

ABIM Desak Kerajaan Kaji Semula Kualiti STAM
Bernama
14 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mendesak kerajaan mengkaji semula kualiti Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di negara ini.

Presidennya, Amidi Abdul Manan berkata berdasarkan data Pusat Bahasa Arab Universiti Al-Azhar, hanya 109 daripada 591 calon STAM layak melanjutkan pelajaran ke universiti itu di Mesir.

Beliau berkata senario ini amat membimbangkan kerana hanya 20 peratus calon yang berjaya dalam peperiksaan prakemasukan (Imtihan Qabul) dan secara tidak langsung, menggambarkan penurunan kualiti lulusan STAM.

"Wujud pelajar yang berjaya mendapat keputusan 'Mumtaz' (cemerlang) tetapi gagal dalam Imtihan Qabul tetapi dalam masa yang sama, wujud pelajar yang hanya mendapat keputusan 'Jayyid' (baik) tetapi berjaya dalam peperiksaan ini.

"Persoalannya, mengapa sejumlah besar ini gagal diterima masuk sedangkan sebelum ini, STAM dikenali sebagai sijil agama tertinggi dalam negara untuk membolehkan para pelajar melanjutkan pengajian ke sana," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Sekretariat ABIM Pusat, Taman Melati.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688077>